A

CHERIAN KC GEORGE

lwn.

TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-1-2008]
17 JUN 2008

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Permohonan untuk habeas corpus - Sama ada tahanan pemohon sah - Penyerahan Borang I kepada Lembaga Penasihat - Sama ada peruntukan s. 3(2) dan s. 3(4) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-*
D *Kaedah Lembaga Penasihat) 1987 ditepati - Sama ada Lembaga Penasihat gagal menimbangkan representasi yang dibuat oleh pemohon dalam tempoh tiga bulan - Sama ada peruntukan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dipatuhi - Sama ada terdapat ketidakpatuhan proses undang-undang terhadap penahanan*
E *pemohon - Sama ada permohonan ditolak*

PROSEDUR JENAYAH: *Tahanan pencegahan - Habeas corpus - Permohonan - Sama ada tahanan pemohon sah - Penyerahan Borang I kepada Lembaga Penasihat - Sama ada peruntukan s. 3(2) dan s. 3(4)*
F *Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987 ditepati - Sama ada Lembaga Penasihat gagal menimbangkan representasi yang dibuat oleh pemohon dalam tempoh tiga bulan - Sama ada peruntukan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dipatuhi - Sama*
G *ada terdapat ketidakpatuhan proses undang-undang terhadap penahanan pemohon - Sama ada permohonan ditolak*

Ini adalah satu notis usul yang difailkan oleh pemohon untuk satu perintah bagi satu writ *habeas corpus* dikeluarkan supaya pemohon dibebaskan serta merta daripada tahanan di Pusat Pemulihan
H Akhlak Batu Gajah, Perak. Pemohon telah diperintahkan ditahan selama dua tahun mulai daripada 7 Oktober 2007 di pusat pemulihan tersebut oleh responden pertama, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia selaras dengan s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.
I Pemohon tidak berpuas hati akan perintah tahanan berkenaan dan

mencabar perintah tersebut. Dua isu yang dibangkitkan oleh pemohon bagi mencabar perintah tersebut sebagai tidak sah adalah (i) pemohon telah menyerahkan melalui dua salinan Borang I yang telah lengkap diisi dan Timbalan Penguasa seterusnya telah mengemukakan satu salinan Borang I tersebut kepada Lembaga Penasihat melalui pos pada 8 Oktober 2007. Ini bertentangan dengan peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987; (ii) Lembaga Penasihat telah gagal menimbangkan representasi yang dibuat oleh pemohon dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penerimaan, bertentangan dengan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

Diputuskan (menolak permohonan writ *habeas corpus*):

(1) Timbalan Penguasa telahpun menyerahkan dan mengemukakan dua salinan Borang I yang diterima daripada pemohon kepada Lembaga Penasihat dan ini menepati peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987. Oleh kerana s. 3(4) tidak menyatakan dengan khusus berapa salinan yang harus dikemukakan kepada Setiausaha Lembaga Penasihat, maka penyerahan satu salinan Borang I adalah mencukupi. Dengan itu, peruntukan s. 3(4) ini juga telah dipatuhi oleh responden dan tidak berlaku apa-apa ketidakpatuhan prosedur. Dengan itu, isu pertama yang dikemukakan pemohon tidak berasas dan ditolak. (perenggan 10 & 16)

(2) Representasi pemohon telahpun didengar pada 27 Disember 2007 iaitu dalam masa tiga bulan daripada tarikh penerimaan representasi pemohon yang mana Borang I tersebut telah ditandatangani oleh pemohon pada 7 Oktober 2007. Adalah jelas, peruntukan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 telahpun dipatuhi sepenuhnya. Setiausaha Lembaga Penasihat punya kuasa untuk mengemukakan afidavit tersebut dan tidak perlu dibuat oleh Pengerusi Lembaga Penasihat sendiri. (perenggan 20)

(3) Pihak responden telah berjaya membuktikan tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan kepada proses undang-undang terhadap penahanan pemohon di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan dengan itu, pemohon akan terus ditahan di Pusat Pemulihan tersebut bagi tempoh dua tahun. (perenggan 21)

Kes-kes yang dirujuk:

Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia [2006] 4 CLJ 687 FC ***(dirujuk)***

Puvanaveswaran Murugiah v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649 ***(dirujuk)***

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan [2006] 4 CLJ 703 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 6(1), 10

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) Rules 1987, ss. 3(2), (4)

Bagi pihak pembelaan - En Sivananthan; T/n Sivananthan
Bagi pihak pihak responden - Mohd Najib AG's Chambers

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Aziz PK:

[1] Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan oleh pemohon, Cherian a/l KC George untuk satu perintah bagi satu writ *habeas corpus* dikeluarkan supaya pemohon dibebaskan serta merta daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak.

[2] Sepertimana perintah yang dikeluarkan, pemohon telah diperintahkan ditahan selama dua (2) tahun mulai daripada 7 Oktober 2007 di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah Perak oleh responden pertama, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia selaras dengan s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Perintah berkenaan adalah seperti berikut:

ADB 1B

AKTA DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

PERINTAH TAHANAN
[Seksyen 6(1)]

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak,
Batu Gajah Perak;

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan, saya adalah berpuashati bahawa orang yang namanya tersebut di bawah pernah ada atau sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya penama ditahan.

Nama	Nombor Kad Pengenalan
Cherian a/l K.C. George	730925-05-5463

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 6(1), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya tersebut di atas ditahan selama dua (2) tahun mulai dari 07 haribulan Oktober 2007 di Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 5 haribulan Oktober 2007

t.t
(Dato' Fu Ah Kiow)
Timbalan Menteri Keselamatan
Dalam Negeri Malaysia

[ADB-24719]

Saya Amiruddin bin Masri yang bertandatangan di bawah memperakui bahawa saya pada hari ini 6 haribulan Oktober 2007 jam 2.30 petang telah menyampaikan kepada Cherian a/l K.C. George No. Kad Pengenalan 730925-05-5463.

(a) satu salinan Perintah Tahanan di bawah seksyen 6(1), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985;

(b) satu salinan pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya Perintah itu diasaskan;

(c) tiga salinan Borang I [Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat 1987)] untuk membolehkannya mengemukakan representasi terhadap Perintah Tahanan kepada Pengerusi Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan;

dan telah menerangkan kepada orang tahanan tersebut mengenai haknya untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan itu.

Tandatangan: t.t

Nama dan Pangkat: Amiruddin bin Masri - C/Insp

Jawatan: Insp. Tahanan, JSJN Bukit Aman, Kuala Lumpur

Isi kandungan butiran (a) hingga (c) dan penerangan yang tersebut di atas telah diterangkan kepada orang tahanan semasa penyampaian dilakukan dalam bahasa/longhat Malaysia oleh:

Tandatangan: t.t
Nama Jurubahasa: Annanthakrishnan a/l Chelliah
No. Kad Pengenalan/Kad Kuasa: RF/98670

Saya Cherian a/l K.C. George No. Kad Pengenalan 730925-05-5463 mengaku telah menerima semua dokumen yang tersebut di butiran (a) hingga (c) di atas pada 6 haribulan Oktober 2007 dan telah faham isi kandungannya serta faham mengenai hak saya untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan itu.

Tandatangan: t.t

Nama: Cherian a/l K.C. George

No. Kad Pengenalan: 730925-05-5463

* Potong yang tidak berkenaan.

[3] Manakala pernyataan mengenai alasan-alasan serta pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu dibuat adalah seperti berikut:

Sulit

Akta Dadah Berbahaya
(Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

Nama Orang Tahanan : Cherian a/l K.C. George

No. Kad Pengenalan : 730925-05-5463

Alasan-alasan Yang Atasnya Perintah Itu Dibuat:

Bahawa kamu pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya yang memudaratkan ketenteraman awam.

Pengataan-pengataan Fakta Yang Atasnya Perintah Itu Diasaskan:

1. Bahawa kamu terlibat dengan sindiket pengedaran dadah jenis Heroin di sekitar Pulau Pinang, Kedai Cina berhampiran Ibrahim Maju, Sg. Long, Kajang dan sekitar Lembah Klang, Selangor sejak Januari 2007 hingga subjek ditangkap pada 27.7.2007 secara tidak berterusan.

2. Bahawa kamu seorang pengedar dadah jenis Heroin dalam bentuk timbangan paun dengan harga antara RM11,000.00 hingga RM15,000.00 setiap satu paun.

3. Bahawa kamu melakukan 7 hingga 8 transaksi pengedaran dadah jenis Heroin dalam bentuk timbangan paun dari Pulau Pinang.

4. Bahawa kamu menggunakan khidmat pembantu dalam urusan penghantaran dadah jenis Heroin dari Juru, Pulau Pinang ke sekitar kawasan Lembah Klang, Selangor dengan membayar upah antara RM2,500.00 hingga RM25,000.00.

5. Bahawa kamu mendapat bekalan dadah jenis Heroin dalam bentuk timbangan paun dari pembekal dadah di sekitar Pulau Pinang.

Dengan Arahan
Timbalan Menteri Keselamatan
Dalam Negeri

t.t

Tarikh : 5 Oktober 2007 (Tengku Nurlina bt Tengku Shah Buddin)
Penolong Setiausaha
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

(ADB-24719) SULIT

[4] Pemohon telah tidak berpuashati akan perintah tahanan berkenaan dan mencabar perintah tersebut dengan memfailkan notis usul (lampiran 3) pada 7 Januari 2008.

[5] Sewaktu pendengaran notis usul di hadapan saya, En. Sivananthan yang mewakili pemohon telah membangkitkan dua (2) isu utama bagi mencabar perintah tersebut sebagai tidak sah, iaitu:

(i) Melalui afidavit Delber Singh a/l Sadhu Singh, Timbalan Penguasa (lampiran 7) menyatakan di para 7 bahawa pemohon telah menyerahkan melalui dua salinan Borang I yang telah lengkap diisi dan En. Delber Singh seterusnya telah mengemukakan satu salinan Borang I tersebut kepada Lembaga Penasihat melalui pos pada 8 Oktober 2007.

Ini bertentangan dengan peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987; dan

(ii) Lembaga Penasihat telah gagal menimbangkan representasi yang dibuat oleh Pemohon dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penerimaan, bertentangan dengan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

[6] Peguam Persekutuan yang mewakili ke semua responden menyatakan bahawa semua peruntukan undang-undang telahpun dipatuhi. Jikapun berlaku ketidakpatuhan, ianya hanya merupakan satu ketidakpatuhan arahan (directory) dan bukanya mandatori dan ini tidak mencacatkan perintah tahanan. Peguam Persekutuan juga berhujah bahawa Lembaga Penasihat telahpun bersidang dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penerimaan representasi pemohon dan telah menelitikan dan menimbangkan segala fakta sebelum mengemukakan syor kepada Yang Di-Pertuan Agong. Oleh itu juga, perintah tersebut adalah sah.

[7] Saya telah merujuk kepada lampiran 7, iaitu afidavit jawapan yang difailkan oleh En. Delber Singh a/l Sadhu Singh, Timbalan Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah dan di para 7, menyatakan:

> 7. Pemohon kemudiannya telah mengisi serta menurunkan capjarinya pada Borang I tersebut di hadapan saya pada 7-10-2007. Selanjutnya Pemohon menyerahkan kembali 2 salinan Borang I yang telah lengkap diisi dan yang telah diturunkan cap ibu jarinya tersebut kepada saya. Saya kemudiaannya telah mengemukakan 1 salinan Borang I tersebut kepada Lembaga Penasihat melalui pos pada 8-10-2007.

[8] Ini telah disokong oleh lampiran 8, iaitu afidavit jawapan yang difailkan oleh En. Kaliapan a/l Kerisma, Jurubahasa Tamil di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah yang menyatakan di para 7:

> 7. Pemohon kemudiannya telah mengisi serta menurunkan cap jarinya pada Borang I tersebut di hadapan Tuan Delber Singh a/l Sadhu Singh pada 7-10-2007. Pemohon kemudiannya telah menyerahkan kembali 2 salinan Borang I yang telah lengkap diisi dan yang telah diturunkan cap ibu jarinya tersebut kepada Tuan Delber Singh a/l Sadhu Singh pada hari yang sama dan Tuan Delber Singh a/l Sadhu Singh kemudiannya telah mengemukakan 1 salinan Borang I tersebut kepada Lembaga Penasihat melalui pos pada 8-10-2007. Saya dengan suci hati ingin menyatakan bahawa segala tindakan Tuan Delber Singh a/l Sadhu Singh adalah di dalam penglihatan dan pendengaran saya.

[9] Seterusnya, melalui afidavit pembetulan di lampiran 20, En. Delber Singh telah menyatakan di para 4:

> 4. Merujuk kepada pemyataan saya yang bergaris di baris kelima dalam perenggan 7 dalam Afidavit Pertama saya iaitu:
>
> > 7. Pemohon kemudiannya telah mengisi serta menurunkan cap jarinya pada Borang I tersebut di hadapan saya pada 7-10-2007. Selanjutnya Pemohon menyerahkan kembali 2 salinan Borang I yang telah lengkap diisi dan yang telah diturunkan cap ibu jarinya tersebut kepada saya. Saya kemudiannya telah mengemukakan 1 salinan Borang I tersebut kepada Lembaga Penasihat melalui pos pada 8-10-2007.
> >
> > Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pernyataan saya yang bergaris di baris kelima dalam perenggan 7 dalam Afidavit Pertama iaitu "... 1 salinan Borang I" adalah pernyataan yang dinyatakan secara salah yang merupakan kesalahan menaip. Saya dengan takzimnya menyatakan bahawa pemyataan saya yang sebetulnya ialah ".. 2 salinan Borang I".

[10] Setelah merujuk kepada afidavit jawapan lampiran 7, lampiran 8 dan lampiran 20, saya berpuashati dan memutuskan bahawa En. Delber Singh telahpun menyerahkan dan mengemukakan dua (2) salinan Borang I yang diterima daripada pemohon kepada Lembaga Penasihat dan ini menepati peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah

A Lembaga Penasihat) 1987. Jika ditelitikan secara mendalam di lampiran 2, afidavit pemohon pun tidak secara khusus mempertikaikan hal ini, begitu juga di lampiran 22. Oleh itu, penjelasan oleh En. Delber Singh di lampiran 20 adalah diterima oleh mahkamah.

B

[11] Mahkamah telah merujuk kepada kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan* [2006] 4 CLJ 703 di mana mahkamah antara lain menyatakan:

C [6] The resultant matter for consideration is whether the breach is subject to judicial review. A right to judicial review when there is breach of a procedural requirement in the making of a detention order under the Act was considered bu this court in *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687 FC in the following words:

D The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 CLJ 649 (Rep); [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 MLJ 28; *Low Teng Hai v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Others* [1992] 2 CLJ (Rep) E 816 and *Aw Ngoh Leaner v. Inspector General of Police* [1993] 1 CLJ 373; [1993] 1 MLJ 65. It has been recognised in these cases that a procedural requirement may be mandatory or directory. A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a F mandatory requirement will render the detention order invalid without the need to establish any prejudice. The breach of a procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the detainee. However it must be observed that the power of the Court to intervene is G limited to only matters of compliance with procedural requirements by section 11C(1) of the Act which reads as follows:

There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister H in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

I

It is clear that the section restricts judicial review to only questions on compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power. Such procedural requirements can only be ones that will go to the root of the matter and be of direct relevance to the making of the detention order. The section only refers to a question of compliance with procedural requirements without subjecting it to any prejudice having been suffered. The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is in compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to establish any prejudice. Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature.

[12] Merujuk kepada kes *Puvanaveswaran Murugiah v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649; mahkamah menyatakan, antara lain:

[1] A distinction must be drawn between procedural requirements which are "directory" only and those which are "mandatory", that is whether the requirements are vital and go to the root of the matter in which case they would be mandatory and therefore a breach which cannot be condoned. On the other hand, if the requirements of r. 3 are not mandatory, they would be directory only and a breach thereof could be condoned provided there is substantial compliance with the requirements read as a whole and provided no prejudice ensues.

[13] Peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987 berbunyi:

3. Procedure for making representations.

...

(2) A detained person who desires to make any representation shall complete Form I and **shall forward two copies** of the completed Form I duly signed by him to the Secretary through the Officer in Charge of the Police District where the detention order was served or the Officer in Charge of the place of detention.

[14] Daripada peruntukan s. 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987, adalah menjadi mandatori kepada pemohon yang ingin mengemukakan representasi untuk mengisi Borang I dan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Borang I yang telah diisi tersebut yang telah ditandatangani kepada Setiausaha melalui Penguasa tempat tahanan. Melalui peruntukan s. 3(4) pula, Penguasa hendaklah menyerahkan Borang I kepada Setiausaha. Tidak pula dinyatakan berapa bilangan yang perlu dikemukakan di sini kepada Setiausaha.

[15] Peruntukan s. 3(4) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat) 1987 berbunyi:

> 4. The Officer in Charge of the Police District where the detention order was served or the Officer in Charge, as the case may be, who receives any written representation in Form I **shall forthwith forward such representation** to the Secretary.

[16] Oleh itu, saya putuskan bahawa oleh kerana peruntukan s. 3(4) tidak menyatakan dengan khusus berapa salinan yang harus dikemukakan kepada Setiausaha, maka penyerahan 1 salinan Borang I adalah mencukupi. Dengan itu, peruntukan s. 3(4) ini juga telah dipatuhi oleh responden dan tidak berlaku apa-apa ketidakpatuhan prosedur. Dengan itu juga, isu pertama yang dikemukakan pemohon tidak berasas dan ditolak.

[17] Mahkamah juga merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Muhammad Jailani bin Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia* [2006] 4 CLJ 687 di mana Hakim Augustine Paul menyatakan, antara lain:

> (2) ... The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to establish any prejudice. Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature (see para 15).

[18] Mengenai isu kedua yang ditimbulkan pemohon, iaitu kegagalan untuk Lembaga Penasihat untuk menelitikan representasi dan membuat rekomendasi kepada Yang Di-Pertuan Agong, saya putuskan pihak Lembaga telahpun mematuhi peruntukan s. 10 tersebut. Ini telah dijelaskan oleh afidavit jawapan di lampiran 10, iaitu oleh Setiausaha Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri. Saya juga putuskan Setiausaha Lembaga Penasihat punya kuasa untuk mengemukakan afidavit tersebut dan tidak perlu dibuat oleh Pengerusi Lembaga Penasihat.

[19] Merujuk kepada lampiran 10, afidavit jawapan tersebut menyatakan, antara lain:

> 7. Representasi pemohon telah didengar oleh Lembaga Penasihat selama 1 hari pada 27-12-2007 di PPA Batu Gajah. Saya seterusnya menegaskan bahawa pemohon telah diberikan hak untuk memanggil saksi-saksi. Sebelum prosiding dijalankan, Pemohon telah ditanya sama ada beliau memahami Bahasa Malaysia dan Pemohon telah memberitahu bahawa beliau faham Bahasa Malaysia dan fasih berbahasa Inggeris, malah beliau juga telah menyatakan di dalam Borang I untuk menggunakan bahasa Inggeris ketika di persidangan Lembaga Penasihat sepertimana yang dilampirkan serta ditandakan sebagai ekshibit "SI-1" dalam afidavit saya ini. Saya juga telah bertanya kepada Pemohon sama ada beliau akan diwakili oleh mana-mana peguam bela dan Pemohon berkata bahawa beliau diwakili oleh peguam bela iaitu dari Tetuan Sivananthan. Kemudian Pemohon telah ditanya dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami sama ada beliau memerlukan khidmat jurubahasa atau tidak dan Pemohon memberitahu bahawa beliau memerlukan khidmat jurubahasa untuk menerangkan prosiding representasi tersebut. Seterusnya pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan D/Sjn Sitaram a/l Sellapan yang bertindak sebagai jurubahasa bahasa Inggeris untuk menemubual Pemohon dan pihak Lembaga Penasihat telah diberitahu oleh D/Sjn Sitaram a/l Sellapan bahawa Pemohon faham akan bahasa Inggeris yang digunakan. Prosiding representasi dijalankan dalam bahasa Malaysia dan diterjemahkan semula oleh D/Sjn Sitaram a/l Sellapan yang bertindak sebagai jurubahasa menterjemahkan prosiding ke dalam bahasa Inggeris kepada Pemohon. Saya menegaskan bahawa Pemohon memahami hak-hak beliau dan boleh berkomunikasi dengan sempurna semasa prosiding persidangan representasi dijalankan ke atas beliau. Saya seterusnya menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah bersidang selama 1 hari malah Pemohon dan juga peguam Pemohon iaitu

dari Tetuan Sivananthan telah hadir dalam persidangan tersebut dan peluang representasi telah digunakan oleh beliau sepenuhnya. Pemohon ataupun peguam Pemohon di sepanjang persidangan tersebut telah tidak memohon sebarang penangguhan persidangan.

8. Pada 2-1-2008, setelah menimbangkan representasi yang dibuat oleh Pemohon, Lembaga Penasihat telah membuat syor-syor mengenai representasi tersebut kepada Yang Di-Pertuan Agong menurut Seksyen 10(1) Akta tersebut. Selanjutnya, setelah menimbangkan syor-syor Lembaga Penasihat tersebut, pada 9-1-2008, Yang Di-Pertuan Agong telah memperkenankan Perintah Tahanan yang dibuat oleh Y.B. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah Seksyen 6(1) Akta tersebut terhadap Pemohon. Saya tidak dapat mengemukakan dokumen tersebut di dalam afidavit ini kerana berpendapat dengan berbuat demikian ia bertentangan dengan kepentingan Negara menurut Seksyen 14 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan yang undang-undang tersebut.

9. Selanjutnya juga saya sesungguhnya dengan tegas menyatakan bahawa di bawah Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat tersebut, Lembaga Penasihat mempunyai kuasa untuk menentukan tatacara dan pengendalian presiding pendengaran representasi Pemohon. Pihak Lembaga Penasihat akan membuat pertimbangan yang sewajarnya serta mengikut budi bicara pihak Lembaga Penasihat sekiranya Pemohon ada membuat pernyataan bertulis untuk memanggil saksi-saksi untuk hadir memberi keterangan ketika di persidangan di hadapan Lembaga Penasihat.

10. Merujuk kepada pernyataan Pemohon di perenggan 15, 16 dan 22(I) dalam Afidavit Pemohon, saya dengan sesungguhnya menyatakan bahawa semasa prosiding representasi Pemohon berjalan, Pemohon telah mengemukakan representasinya secara lisan kepada Lembaga Penasihat. Pihak Lembaga Penasihat telah mengarahkan pegawai pengendali polis membentangkan hujahan-hujahan bagi pihak responden-responden dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan bertulis saksi-saksi dan Pihak Lembaga Penasihat telah berpuas hati dengan penyiasatan polis seperti yang terdapat dalam kes fail. Selanjutnya, Lembaga Penasihat tidak memanggil pegawai penyiasat untuk mengemukakan keterangan kerana Lembaga Penasihat telah melaksanakan budi bicaranya mengikut Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat tersebut di mana Lembaga Penasihat membuat keputusan bahawa beliau tidak perlu hadir di hadapan Lembaga Penasihat. Saya seterusnya mengulangi pernyataan saya di perenggan 6 di atas bahawa

Lembaga Penasihat telah bersidang selama 1 hari dan Pemohon serta peguam yang mewakili Pemohon telah hadir dalam persidangan tersebut dan peluang representasi telah digunakan oleh Pemohon dan juga peguam Pemohon sepenuhnya malah Pemohon dan juga peguam Pemohon tidak ada pada bila-bila masa di sepanjang persidangan itu dijalan memohon akan penangguhan persidangan dilakukan.

11. Saya sesungguhnya menyatakan dengan suci hati bahawa segala kehendak di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat, Akta tersebut dan Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi dengan sempurna dengan mengambil kira keterangan-keterangan yang tepat dan benar dalam laporan penangkapan dan penahanan berkaitan Pemohon. Seluruh presiding representasi tidak cacat malah menurut peruntukan undang-undang.

[20] Daripada pernyataan-pernyataan tersebut di atas, adalah jelas bahawa representasi pemohon telahpun didengar pada 27 Disember 2007 iaitu dalam masa tiga bulan daripada tarikh penerimaan representasi pemohon yang mana Borang I tersebut telah ditandatangani oleh pemohon pada 7 Oktober 2007. Adalah jelas, peruntukan s. 10 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 telahpun dipatuhi sepenuhnya. Saya juga putuskan bahawa Setiausaha Lembaga Penasihat punya kuasa untuk mengemukakan afidavit tersebut dan tidak perlu dibuat oleh Pengerusi Lembaga Penasihat sendiri.

[21] Secara keseluruhannya, saya berpuashati dan berpendapat pihak responden telah berjaya membuktikan tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan kepada proses undang-undang terhadap penahanan pemohon di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan dengan itu, pemohon akan terus ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak bagi tempoh dua tahun.

[22] Dengan itu, permohonan pemohon bagi satu writ *habeas corpus* ditolak.